

25/07/2004

Hidup berkualiti dan masyarakat sejahtera

By Noor Azam

TEKAD 2008: LIMA SASARAN UTAMA UNTUK DICAPAI DALAM MASA LIMA TAHUN. AMANAH DILETAKKAN PADA KSN

SALAH satu kejayaan besar Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ialah memajukan ekonomi, sekali gus dalam jangka masa yang relatif pendek, telah meningkatkan taraf hidup rakyat. Tetapi kejayaan ini juga melahirkan manusia yang mengejar kebendaan sehingga melampaui undang-undang, nilai kemanusiaan dan ajaran agama.

Kesan sampingan yang negatif ini memang disedari oleh Dr Mahathir. Maka dari awal lagi beliau melancarkan gagasan "Bersih Cekap dan Amanah" dan "Kepemimpinan Melalui Teladan" di samping sentiasa menggesa rakyat mengamalkan "nilai-nilai yang mulia". Akan tetapi matlamat kedua gagasan mulia ini tak tercapai seperti yang dikehendaki.

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) telah ditubuhkan, dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Yang kita tahu, Jawatankuasa Khas ini telah meneliti satu kajian mengenai persepsi umum terhadap gejala rasuah yang disediakan oleh satu pasukan pengkaji dari universiti. Menjelang pelantikannya sebagai PM, Datuk Seri Abdullah mengisytiharkan 'perang habis-habisan' terhadap rasuah.

Bagaimanapun, amalan rasuah yang telah mendarah-daging dalam urusan perniagaan dan perkhidmatan awam, dan pelbagai penyakit sosial yang serius, makin menjadi-jadi.

Maka pada 23 April lalu, Datuk Seri Abdullah melancarkan program Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai "jentera pemantau dan pelaksana PIN". Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman diamanahkan mengetuai Lembaga Pengarah institut baru ini.

(Bagi kita yang kurang memahami bahasa dan budaya orang Inggeris, sukar juga hendak memahami makna istilah "integriti". Sebuah kamus memberi makna: integrity adalah "the quality of being honest and strong moral principle". Barangkali istilah Melayunya ialah "keutuhan")

Menurut Perdana Menteri: "Objektif jangka panjang PIN ialah untuk memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur." Suatu cita-cita besar yang sangat unggul dan murni, yang amat sukar dicapai dalam sejarah tamadun manusia sejak zaman berzaman.

PIN menetapkan lima sasaran utama yang dikenal sebagai "Tekad 2008" untuk dicapai dalam masa "lima tahun pertama" pelaksanaannya:

(1) Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa secara berkesan.

(2) Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi.

(3) Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan.

(4) Memantapkan institusi keluarga.

(5) Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Tidak ada istilah yang hebat dalam kelima-lima sasaran utama ini. Namun ia telah mencakup semua aspek yang diperlukan bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang ideal - yang menjadi impian manusia sejak zaman berzaman - iaitu: Hidup yang berkualiti dan masyarakat yang sejahtera!

Persoalannya, siapakah yang akan melaksanakannya dan bagaimanakah

caranya?

PERBUATAN YANG PALING MEROSAKKAN, LEBIH DARIPADA PEPERANGAN, IALAH RASUAH. MENUGGU KESUNGGUHAN KERAJAAN!

MENURUT pandangan Prof Datuk Dr Syed Hussein Alatas (Mingguan Malaysia, 9 Mei 04), " Mereka yang di atas tidak cukup memberikan pimpinan. Bukan hanya ahli-ahli politik tetapi juga ketua dan majikan di pejabat."

Bagi Prof Syed Hussein, isu rasuah penting sekali, kerana " Dalam sejarah peradaban manusia, perkara yang paling merosakkan lebih daripada peperangan ialah rasuah. Kita melihat banyak keburukan akibat rasuah sejak zaman Hammurabi, zaman Rom, zaman dinasti China sehingga era sejarah moden manusia. Akibat rasuah itu menyeluruh sehinggakan boleh mengakibatkan pembunuhan." Bahkan lenyapnya sebuah pemerintahan! Ialah `ibu' segala penyakit sosial.

Perlu rasanya diperingatkan, bahawa "politik wang" ialah sejenis rasuah yang amat serius bahayanya kepada bangsa dan negara kita. Kata Datuk Seri Najib Tun Razak, "politik wang" masih lagi berlaku dalam pemilihan bahagian Umno tahun ini! Ertinya masih berlaku rasuah dalam urusan Umno - parti tonggak kerajaan BN. Mungkin inilah salah satu sebab, gagasan PIN tidak nampak mendapat sambutan rakyat. Orang masih tidak begitu yakin kepada komitmen kerajaan!

Kata Prof Syed Hussein lagi, dalam hal rasuah, "Kita tidak perlu menunggu adanya sebuah institut. Hanya tindakan kerajaan yang boleh membasmi rasuah, bukan suatu institut. Harapan kita ialah kepada kerajaan. Apabila ada tanda kesungguhan kerajaan, rakyat akan menyokong seperti sokongan dalam pilihan raya lalu. Sokongan mereka terhadap kesungguhan kerajaan, bukannya institut"

Beliau menambah, "Apa saja kandungan Pelan ini harus diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan. Jangan terlalu lama masanya untuk tindakan susulan. Jangan biarkan `belon menjadi kempis' lagi. Kita kena ingat tentang perlunya mengakui keadaan kita, bahawa kita kini sedang menghadapi krisis moral."

Ya, inilah sebenarnya masalah kita sekarang: Semakin ramai orang yang tidak bermoral atau tiada integriti diri. Juga wujudnya persepsi orang bahawa tiada `kesungguhan' kerajaan dalam menangani isu moral.

Pada 27 Jun lalu, Tan Sri Samsudin memberitahu: Kerajaan telah memilih empat kementerian sebagai fasa permulaan untuk mengurangkan rasuah dan meningkatkan sistem penyampaian awam. Kementerian itu ialah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Wanita, Keluarga dan Kemajuan Masyarakat; dan Pengajian Tinggi.

Kata KSN: Matlamat akhir kita ialah hendak memastikan rakyat Malaysia akan memiliki etika dan moral yang tinggi apabila negara mencapai status negara maju menurut dasar Wawasan 2020.

Kenyataan ini, yang dibuat selepas Prime Minister's Golf Tournament, menimbulkan tanggapan, bahawa begitu berat sekali perhatian KSN terhadap tugas ini, sehingga ketika bersukan pun PIN dan IIM sentiasa dalam fikiran beliau. Akan tetapi, mengapa pula pencapaian "matlamat akhir" itu, mesti menunggu sampai kita "mencapai status negara maju menurut Wawasan 2020"? Bukankah sekarang pun kita perlu memiliki etika dan moral yang tinggi? (Mohon maaf kiranya fahaman saya mengenai kenyataan itu tidak tepat).

Persoalan lain ialah mengapa Jabatan Perdana Menteri - kementerian paling utama dan juga tempat letaknya pejabat KSN - tidak termasuk dalam senarai fasa permulaan?

Jabatan Perkhidmatan Awam juga terletak di bawah JPM dan KSN. Justeru JPM - yang paling ramai menteri dan timbalan menteri, pelbagai ketua pengarah jabatan dan agensi - mestilah mendahului kementerian dan jabatan yang lain, untuk memperlihatkan bahawa ia mempunyai moral yang tinggi atau integriti yang unggul.

Harapan kita, hasil kerja PIN dan IIM ini, akan dapat kita lihat secara beransur-ansur. Tidak semestinya menunggu lima tahun. Setidak-tidaknya menurunnya amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, peningkatan mutu perkhidmatan awam dan wujudnya hidup yang sejahtera akan dapat dilihat dan dirasakan lebih segera. Dalam masa beberapa bulan terakhir ini, polis telahpun menunjukkan hasil kerja yang boleh dibanggakan.

IIM perlulah bertindak proaktif melibatkan sebanyak mungkin badan bukan kerajaan dan pertubuhan profesional bagi menjayakan usaha yang positif ini. Paling utama, kerajaan mestilah memperlihatkan kesungguhannya, agar cita-cita mulia Perdana Menteri ini mendapat dokongan ikhlas semua pihak. Semoga gagasan ini tidak akan menjadi satu lagi tindakan reaksi politik semasa yang akan hanyut dalam arus gelombang politik juga sudahnya.

NOTA KAKI

Terima kasih kepada semua pembaca yang mengirinkan surat dan e-mel. Kritik dan saranan anda amat dihargai. Banyak cadangan agar saya menulis mengenai mesyuarat Umno. Sila kirirkan pendapat untuk kita kongsi bersama.

No 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 22 Julai 04).

(END)